



BAHASA MELAYU ASAS

1203/3

Kertas 3

ORAL EXAMINATION

BASIC MALAY

SPECIMEN PAPER

Paper 3

With effect from 2024 examination

ARAHAN

1. Peperiksaan Lisan ini terbahagi kepada dua bahagian:
 - Bahagian A – Bacaan Lantang
Kamu dikehendaki membaca dengan lantang petikan yang diberikan.
 - Bahagian B – Perbualan
Kamu akan menonton klip video. Kemudian, kamu akan melibatkan diri dalam perbualan dengan Pemeriksa Lisan.
2. Apabila kamu klik '**Start**', kamu mempunyai 10 minit untuk meneliti petikan karangan dan menonton klip video.



**Peperiksaan GCE Singapura-Cambridge Peringkat Normal (Teknikal)
Peperiksaan Lisan Bahasa Melayu Asas (1203/3)**

BAHAGIAN A: BACAAN LANTANG

Sejak kebelakangan ini, Rasyid begitu mengambil berat terhadap kesihatannya. Pada setiap hujung minggu, dia tidak akan melepaskan peluang untuk beriadah bersama-sama keluarganya. Dia juga mula berjinak-jinak dengan acara larian dan berjalan pantas.

“Dahulu, saya kerap berasa penat. Saya lebih selesa duduk di rumah sambil menonton televisyen, terutamanya pada hujung minggu. Kini, setelah mula beriadah, saya berasa lebih segar,” jelas Rasyid kepada Amir, rakan sekerjanya.

Sebenarnya, minat Rasyid mula timbul setelah dia memenangi jam tangan beberapa bulan yang lalu dalam acara cabutan bertuah di syarikat tempat dia bekerja. Jam itu istimewa kerana dapat mengesan pergerakan Rasyid dan menghitung jumlah langkah yang diambalnya semasa dia berjalan.

“Memang sesuaiilah awak mendapat jam itu. Maklumlah, awak tidak suka beriadah,” kata Amir sambil berseloroh.

“Benar kata awak, Amir. Kini, disebabkan jam yang saya menangi ini, saya lebih terdorong untuk beriadah,” jawab Rasyid sambil tersenyum.

**Peperiksaan GCE Singapura-Cambridge Peringkat Normal (Teknikal)
Peperiksaan Lisan Bahasa Melayu Asas (1203/3)**

(Untuk kegunaan Pemeriksa Lisan sahaja)

BAHAGIAN B: PERBUALAN

Rangsangan:

1. Pernahkah kamu memberikan kad kepada orang lain seperti yang dipaparkan dalam video ini? Kongsi pengalaman kamu.
2. Adakah kamu lebih suka menerima kad kertas atau e-kad? Mengapa?
3. Selain memberikan kad, apakah cara yang boleh dilakukan untuk menunjukkan bahawa kita mengambil berat terhadap orang lain?

BLANK PAGE

Copyright Acknowledgements:

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.